

U-MOLIN TABLETS

Paracetamol (500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini:

1. Apakah kegunaan U-Molin Tablets
2. Bagaimana U-Molin Tablets berfungsi
3. Sebelum menggunakan U-Molin Tablets
4. Cara menggunakan U-Molin Tablets
5. Semasa menggunakan U-Molin Tablets
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan U-Molin Tablets
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan U-Molin Tablets

Ia digunakan untuk mengurangkan kesakitan dan demam yang ringan hingga sederhana seperti sakit kepala, sakit gigi, dan selsema.

Bagaimana U-Molin Tablets berfungsi

Paracetamol adalah bahan aktif untuk U-Molin Tablets. Paracetamol tergolong dalam suatu kumpulan ubat yang dikenali sebagai *analgesic*. Ia berfungsi untuk melegakan kesakitan dan mengurangkan demam.

Sebelum menggunakan U-Molin Tablets

- Bila tidak boleh menggunakan
 - Jika anda alergi (hipersensitif) kepada Paracetamol atau sebarang kandungan dalam U-Molin Tablets.
- Sebelum menggunakan U-Molin Tablets

Anda harus beritahu doktor anda sekiranya:

 - Anda alergi terhadap sebarang ubat yang anda pernah ambil untuk merawat keadaan semasa anda.

- Anda mempunyai masalah buah pinggang.
- Anda mempunyai masalah hati.
- Anda mempunyai masalah penyalahgunaan alkohol.

Mengandung dan menyusui

Anda harus beritahu doktor anda jika anda mengandung atau berhasrat untuk mengandung, atau berhasrat untuk menyusui anak, sebelum mengambil ubat ini.

Penggunaan paracetamol dalam dos yang ditetapkan semasa mengandung biasanya tidak mempunyai kesan yang bahaya, tetapi anda seharusnya mengikut arahan doktor anda mengenai penggunaan ubat ini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda harus beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda baru-baru ini atau sedang mengambil mana-mana ubat yang menjejaskan hati.

Anda tidak seharusnya mengambil lain-lain ubat yang mengandungi paracetamol semasa anda menggunakan ubat ini.

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda sedang mengambil mana-mana ubat, termasuk tonik herbal, pelengkap tambahan dan ubat yang dibeli tanpa preskripsi.

Cara menggunakan U-Molin Tablets

Sentiasa mengambil ubat dengan tepat seperti yang diberitahu oleh doktor anda. Anda perlu merujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda

sekiranya anda tidak pasti. Ubat ini hendaklah ditelan dengan segelas air.

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak 12 tahun dan ke atas:

1-2 tablet setiap 4 hingga 6 jam seperti yang diperlukan, sehingga maksimum 8 tablet dalam 24 jam.

Kanak-kanak 6- 11 tahun:

½ hingga 1 tablet setiap 4 hingga 6 jam semasa diperlukan, sehingga maksimum 4 tablet dalam 24 jam.

- Bila perlu digunakan

Doktor anda akan memberitahu anda masa untuk menggunakan ubat ini. Anda seharusnya menggunakan ubat ini mengikut arahan doktor anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Terus menggunakan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

- Sekiranya anda lupa satu dos, ambil dos itu dengan segera.
- Tetapi, sekiranya telah hampir masa untuk dos yang berikutnya, abaikan dos yang terlepas.
- Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda berfikir bahawa anda atau orang lain mungkin telah

mengambil terlalu banyak ubat ini. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan U-Molin Tablets

- Perkara yang perlu dilakukan
Hubungi doktor jika gejala anda bertambah buruk atau tiada perubahan.

Berhati-hati memandu atau mengendalikan jentera sehingga anda tahu bagaimana ubat ini memberi kesan kepada anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan beri U-Molin Tablets kepada orang lain walaupun simptom mereka seolah-olah serupa ataupun mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda. Doktor anda telah mempreskripsikan U-Molin Tablets untuk anda dan keadaan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Selalu menggunakan ubat ini seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Paracetamol boleh menyebabkan reaksi kulit yang teruk. Gejala-gejala boleh termasuk kemerahan kulit, lepuh atau ruam.

Ini boleh menjadi tanda-tanda keadaan serius. Jika tindak balas ini berlaku, berhenti menggunakan produk ini dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, U-Molin Tablets mempunyai kesan sampingan walaupun bukan semua orang yang

mendapatnya. Kesan sampingan berikut mungkin terjadi dengan ubat ini:

- Reaksi alergik – ruam
- Tindak balas hipersensitiviti kulit termasuk ruam kulit, angioedema, sindrom Steven Johnson/ nekrolisis epidermal toksik telah dilaporkan.

Sekiranya mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau anda mengalami kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda was-was atau untuk mendapatkan maklumat selanjutnya.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan U-Molin Tablets

- Penyimpanan
Jangan guna selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada bungkusan. Tarikh tamat tempoh merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Bekas Plastik: Simpan di bawah suhu 25°C.

Pek Blister: Simpan di bawah suhu 30°C.

Lindungi daripada cahaya.

Jauhi daripada pencapaian kanak-kanak.

- Pelupusan
Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui sisa air atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara-cara pelupusan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk
Tablet berwarna biru, berskor, berbentuk segi empat bujur dengan size 17 x 6.5mm dan tanda 'Life'.

- Bahan-bahan kandungan

- *Bahan aktif:*
Paracetamol
- *Bahan tidak aktif:*
Kanji, Magnesium Stearate, Povidone K-30, Sodium Starch Glycolate dan Indigocarmine.

- Nombor MAL:
MAL19971334XZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Malaysian Pharmaceutical Industries Sdn Bhd.
Plot 14, Lebuhraya Kampung Jawa, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

26/07/2017

Nombor Siri:

BPFK(R4/1)240717/00182